

06 NOV 2003

DR MAHATHIR AKAN BERUCAP PADA FORUM OKINAWA

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad akan berucap pada forum antarabangsa di Okinawa, Jepun pada 11 Nov ini yang merupakan majlis pertama beliau berucap selepas bersara sebagai Perdana Menteri Jumaat lepas.

Beliau akan berucap mengenai "Demokrasi dan Masyarakat Dalam Era Globalisasi" pada Forum Globalisasi 2003 anjuran Institut Pengajian Sosio-Ekonomi Antarabangsa, Okinawa, kata seorang pegawainya di sini hari ini.

Antara yang akan berucap pada forum itu ialah bekas presiden Soviet Union Mikhail Gorbachev, bekas Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto dan bekas Penasihat Keselamatan Negara Amerika Syarikat Zbigniew Brzezinsky.

Dr Mahathir yang memimpin negara selama 22 tahun kini sedang bercuti di luar negara bersama isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

-- BERNAMA

AZZ AHH BK